

05/02/1999

Wanita mahu 2 kerusi tambahan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Wanita Umno meminta Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menimbang permohonan mereka supaya diperuntukkan dua kerusi tambahan pada pilihan raya dewan undangan negeri Sabah akan datang.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pergerakan itu kini hanya mempunyai seorang wakil dalam DUN Sabah iaitu Timbalan Ketua Wanita Umno Sabah, Dayang Mahani Tun Raffaie (Lumadan).

"Buat masa ini kita memberi tumpuan kepada pilihan raya Sabah dengan meminta Umno menambah calon wanita bagi kerusi dewan undangan negeri iaitu daripada hanya satu kepada tiga.

"Kita lihat wanita ada kematangan jadi ada logiknya (permintaan ini). Di samping itu, saya melihat Wanita Umno Sabah begitu komited dan bekerja keras bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

"Perkara ini sudah diajukan kepada presiden parti dan maklum balas yang diterima adalah positif," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pergerakan Wanita, di sini hari ini.

Keputusan yang dicapai pada mesyuarat hari ini secara tidak langsung mengubah kenyataan Siti Zaharah sebelum ini yang menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan jumlah kerusi yang bakal ditandingi ahlinya pada pilihan raya Sabah kali ini.

Ketika di Kota Kinabalu pada 23 Januari lalu, beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata pihaknya menerima apa saja keputusan yang bakal dibuat pucuk pimpinan parti.

(END)